

27 NOV 1999

Najib-Guru

KEMENTERIAN TEMPATKAN GURU-GURU BELUM DAPAT TEMPAT JANUARI INI

PEKAN, 27 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan sebelum 17 Jan depan akan menempatkan 4,345 orang guru sekolah rendah yang berkelulusan Diploma Perguruan Malaysia yang belum mendapat tempat untuk mengajar.

Menterinya Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak hari ini berkata, mereka merupakan guru-guru yang masih tidak mendapat tempat sehingga 1 Nov lepas daripada sejumlah 8,648 orang yang telah tamat latihan perguruan Jun lepas.

"Surat memaklumkan perkara ini akan dikeluarkan kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri dan pengetua-pengetua maktab pada 15 Dis ini," katanya kepada pemberita selepas majlis Pengisytiharan Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) cawangan Pekan oleh Sultan Pahang di sini.

Beliau berkata, guru-guru itu merupakan guru beropsyen terdiri daripada guru Matematik sebanyak 1,407 orang, Sains (999), Muzik (526), Pengajian Melayu (770), Kemahiran Hidup (62) dan Pengajian Islam (581).

Najib berkata, berdasarkan kekosongan jawatan sehingga 1 Nov lepas, Kementerian telah menempatkan 4,303 orang guru yang terdiri daripada 3,796 guru akademik dan 507 orang guru Pengajian Islam.

Daripada jumlah keseluruhan itu juga, 7,560 orang merupakan guru akademik yang penempatannya diuruskan oleh Bahagian Sekolah manakala 1,088 lagi adalah guru Pengajian Islam yang diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM).

Sementara itu mengenai pembinaan kampus itu pula, katanya, untuk melaksanakan fasa pertama kampus cawangan itu ia memerlukan perbelanjaan kira-kira RM300 juta hingga RM350 juta dan peruntukan itu dijangka dapat dipertimbangkan kerajaan dalam rancangan Malaysia ke-8 tidak lama lagi.

"Dengan wujudnya cawangan ini kita akan dapat membantu perkembangan industrialisasi bagi negeri Pahang dan seluruh koridor Pantai Timur ini," kata beliau lagi.

Ini kerana jenis kursus yang ditawarkan berasaskan teknologi dan kejuruteraan dan amat diperlukan jika industri baru hendak diwujudkan di Pantai Timur ini, kata beliau.

Oleh kerana kampus ini terletak berdekatan dengan industri DRB-Hicom dan AMM di Pekan yang mengeluarkan kereta nasional maka latihan praktikal kejuruteraan automotif boleh diadakan bersama-sama industri-industri itu.

"Ini merupakan satu kelebihan penempatan kampus cawangan di Pekan ini," katanya sambil menjangkakan sebanyak 3,000 hingga 3,500 orang pelajar boleh ditempatkan di kampus itu pada tahun 2005 kelak.

Manakala daripada segi jangka panjang pula, sebanyak 10,000 pelajar dijangkakan ditempatkan pada tahun 2010 yang boleh mengikuti pelbagai kursus di kampus ini.

Beliau berkata, dengan pembinaan universiti itu ia boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan di kawasan ini kerana mungkin ada kilang-kilang baru yang akan ditempatkan di sini kerana wujudnya universiti itu.

Antara kursus yang ditawarkan ialah kejuruteraan elektrik, kejuruteraan elektronik, pembuatan, automotif dan teknologi maklumat.

Beliau turut mengulas tentang surat yang kononnya daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak.

"Ini satu pembohongan yang amat jelas sebab daripada segi alamatnya sudah tidak betul dan kepala suratnya bukan seperti ini. Ini satu pembohongan yang amat dahsyat," kata Najib.

"Saya amat kesal dengan perbuatan ini kerana surat-surat ini disebar di masjid-masjid," katanya lagi.

-- BERNAMA

SHS PR